

IDENTITI KEBANGSAAN SENIBENA DI PUSAT BANDARAYA  
KUALA LUMPUR SEBELUM DAN SELEPAS KEMERDEKAAN.

Kajian akhir ini telah dihantar kepada Jabatan Senibena  
Institut Teknologi MARA sebagai memenuhi syarat matapela-  
jaran ARC 471 " HISTORY OF ARCHITECTURE " dan syarat untuk  
mendapatkan Diploma Senibena.



Bagian Rujukan & Perkhidmatan Pembaca  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Kajian ini disediakan oleh :

Nama : FAKHERUL ANAND B. RAZALI.

K.P. ITM : 87196365

Diploma Senibena,  
Tahun 4, Semester 08,  
Institut Teknologi MARA,  
Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.  
Malaysia Barat.

Sessi : 1 Januari 90/91.

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN SENIBENA PERANCANGAN DAN UKUR, SHAH ALAM.

Ini adakah disahkan bahawa kajian akhir ini telah disediakan oleh :

Nama : Fakhrul Anand b. Razali.  
K.P. : 87196365

Kajian akhir ini telah dibaca dan disemak oleh:

Penyelia : : En. Amran Abdul Rahman  
Penilai : En. Amran Abdul Rahman  
Pensyarah  
Mata pelajaran ARC 471.

 MEI 1991  
.....

Tandatangan Penyelia dan Penilai

En. Amran Abdul Rahman.

## PENGANTAR KATA

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani. Alhamdulillah , syukur kita kehadiran Ilahi, kerana dengan limpah Kurnianya, dapat juga saya menghabiskan Tesis ini. Oleh kerana Tesis ini merupakan Tesis saya yang pertama tentu sekalibanyak terdapat kekurangan yang tidak dapat dielakkan. Namun begitu hasil dari kerjasama dari penasihat dan mereka yang terlibat, telah banyak membantu saya untuk meninggikan mutu hasil tulisan saya ini.

" Identiti Kebangsaan Senibena di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur Sebelum dan Selepas Kemerdekaan ", begitulah tajuk Tesis saya untuk tatapan semua sebagai pandangan dan pemberitahuan. Tajuk di atas adalah menjadi tajuk Tesis ini. Kajian ini dilakukan setelah timbulnya kesedaran akan kepentingan mengekalkan kebudayaan bangsa agar tidak luput ditelan masa. Secara tidak langsung, generasi akan datang dapat menikmati dan mencintai akan senibena mereka sendiri. Adalah diharapkan, segala cadangan yang telah dikemukakan ini, dapat diperbincangkan bersama oleh mereka yang mempunyai tujuan yang sama.


## Pengenalan.

Kajian akhir ini merupakan sebahagian daripada kehendak Jabatan Senibena bagi penganugerahan Diploma Senibena-Senibena Institut Teknologi Mara.

Oleh itu, saya dengan berbesar hati, ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada mereka yang terlibat, sesungguhnya jasa-jasa mereka ini tidak dapat saya lupakan. Bak kata pujangga "Tiada kata secantik bahasa, tiada gambar seindah lukisan, tiada harga untuk dihargakan akan sumbangan bakti kalian sebegini. Hanyalah ucapan terima kasih sekali lagi sebagai kata yang dapat menilaikan ke semuanya ini.

1. Encik Amran bin Abd. Rahman, merangkap ko-ordinator kepada program kajian ini.
2. Kedua ibubapa yang sentiasa memberikan nasihat dan perangsang.
3. Pensyarah-pensyarah dari Jabatan Senibena ITM, khasnya kakitangan-kakitangan keseluruhannya.
4. Makcik Hasanah HO yang bertungkus lumus menaip laporan ini.
5. Juga kepada semua yang telahpun samada dengan secara langsung ataupun tidak langsung menyumbangkan bakti mereka untuk menjaya dan menyiapkan kajian ini, yang tidak mungkin dapat ditaipkan nama-nama mereka pada ruang yang terbatas ini.

ISI KANDUNGAN		
TAJUK KAJIAN	i	
PENGENALAN	ii	
PRAKATA	iii	
ISI KANDUNGAN	iv	
BAB SATU		
1.1	KUALA LUMPUR DAN PERSEJARAHANNYA	1
1.2	KUALA LUMPUR - IBU NEGARA dan PUSAT PERDAGANGAN	14
BAB DUA		
2.1	PEMBANGUNAN BANDARAYA KUALA LUMPUR.	16
2.2	PERANCANGAN KUALA LUMPUR	20
2.3	MATLAMAT PERANCANGAN.	20
BAB TIGA		
3.1	SENIBENA KEBANGSAAN.	29
3.2	IDENTITI.	29
3.3	PERMASAALAHAN.	36
3.4	KE ARAH IDENTITI KEBANGSAAN.	39
BAB EMPAT		
4.1	KES KAJIAN.	43
BAB LIMA		
5.1	PERANAN.	61
5.2	KESIMPULAN	62



---

BAB 1 .

---

## KUALA LUMPUR DAN PERSEJARAHANNYA.

Sejarah awal:

Kuala Lumpur pada hari ini adalah sebuah bandaraya yang begitu pesat membangun dari segi senibenanya mahupun sosial dan ekonomi.

Tetapi jika kita singkap kembali sejarah awalnya, ia adalah merupakan tempat pendaratan bagi sampan-sampan, perahu-perahu kecil yang memudik Sungai Kelang dan Gombak bagi tujuan pemunggahan bahan-bahan mentah dari kawasan-kawasan sekitar untuk diedarkan/dibekalkan bagi keperluan penduduk tempatan.

Sejak tahun 1857, masyarakat Cina telah mula berhijrah ke Kuala Lumpur dan dalam waktu yang sama juga orang-orang Melayu telah membuat penempatan mereka di sekitar Jalan Silang. Sebuah kampung lagi terletak di sekitar Jalan Tun Perak. Mereka-mereka yang menetap di kawasan sekitar tersebut iaitu pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Kelang telah menjadikannya sebagai tempat penempatan mereka. Kawasan ini yang dulunya merupakan sebuah kawasan berlumpur bertukar menjadi Kuala Lumpur.


Dengan kedatangan ekspedisi ini, maka bermulalah kegiatan baru iaitu melombong dan perdagangan bijih timah di daerah Kuala Lumpur. Semenjak itu, sumber-

sumber asli kekayaan negara mula diterokai dan menjadi asas ekonomi bandaraya dewasa ini.

Ketika kedatangan Yap Ah Loy pada tahun di banda Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Medan Pasar Lama yang telahpun sibuk dengan perdagangan di persisiran sungai dan pembekal barang-barang kepada para pelombong dan peniaga.

Walau bagaimanapun peperangan saudara telah meletus di Selangor. Peperangan ini berlaku pada sekitar tahun 1866 disebabkan perselisihan faham antara orang-orang Melayu Sumatera dan Bugis iaitu Raja Mahadi dengan dengan Raja Abdullah. Raja Mahadi adalah pemerintah sebenar di Kelang tetapi telah disingkirkan oleh Sultan dan tempatnya telah diambil oleh Raja Abdullah daripada Riau. Mana kala orang-orang Cina pada masa itu di bawah pengawasan Kapitan Cina Lim Ngim Kong lebih berpihak kepada Sultan dan Raja Abdullah. Kapitan Cina Lim Ngim Kong telah mati pada tahun 1868 dan tugas beliau telah diambil oleh Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina yang ketiga. Untuk pertama kalinya Yap telah berperang dengan orang-orang Cina di Lukut untuk menggulingkannya. Namun pada 1870, orang-orang Cina dari Negeri Sembilan telah menyokong dan berdiri di bawah Raja Mahadi untuk menyerang Kuala Lumpur. Peperangan berlaku beberapa lama sekitar tahun 1871 dan akhirnya Yap Ah Loy yang dibantu oleh Tengku Kudin yang menguasai Kuala Kubu, Ulu Yam, Serendah dan Rawang dapat menumpaskan Raja Mahadi dan pengikut-pengikutnya.






MEDAN LEBUH PASAR PADA TAHUN 1900.

Setelah ,mendapat kemenangan, Yap Ah Loy kemudianya mengambil inisiatif membangunkan semula Kuala Lumpur yang hampir musnah di sekitar tahun 1874. Pada ketika ini Kuala Lumpur menjadi Ibu Negeri Selangor sehinggalah Residen Inggeris berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1880 dan memindahkan pusat pemerintahan dari Kelang ke Kuala Lumpur. Dengan kekayaan dan pengaruh yang sedia ada, Yap Ah Loy telah menjalankan peraturan dan undang-undang serta mendirikan rumah sakit awam, selain daripada itu, kemudahan-kemudahan lain begitu kurang di Medan Pasar. Tidak ada usaha yang dilakukan untuk merancang pelan tata-atur, kemudahan-kemudahan asas dan lain-lain untuk kemajuan Kuala Lumpur, dan dewasa ini selepas lebih daripada 100 tahun berlalu, kawasan tersebut masih tetap berfungsi sebagai kawasan perdagangan, urusan bank dan kewangan. Di sini jugalah, antara lainnya berdirinya bangunan Bank Hong Kong, Lee Wah dan Shang Hai Bank.

Dengan kedatangan Residen Inggeris dan perpindahan pusat pemerintahan Kelang ke Kuala Lumpur pada 1880, Kuala Lumpur telah pesat membangun kerana kegiatan ekonominya yang terkawal dan pesat.

Hasil daripada campurtangan mereka juga, undang-undang serta peraturan dapat dipulihkan dan terkawal menyebabkan Kuala Lumpur menjadi lebih aman dan makmur. Pemerintahan




PERHENTIAN KERETAPI DIKUALA LUMPUR PADA 1891.

Inggeris telah menggunakan dengan sebaik-baiknya sumber-sumber bahan mentah sebagai modal untuk memajukan Kuala Lumpur dengan terdirinya kemudahan infrastruktur seperti jalan-jalan keretapi bagi membawa bahan seperti timah, pejabat-pejabat pos, telegraf, telefon, bekalan letrik, air dan juga kemudahan awam. Proses memajukan Kuala Lumpur telah menjadi lebih pesat disebabkan tumpuan dunia terhadap bahan-bahan mentah yang dapat diperolehi di sekitar Kuala Lumpur dan menjadikannya sebagai pusat perdagangan.

Kuala Lumpur semakin pesat dengan pemodenan pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Kelang (Dulunya dikenali dengan Port Swettenham). Dengan adanya pelabuhan Swettenham perniagaan import eksport berjalan lancar walaupun kemerosotan berlaku di sekitar tahun 1930.


Pentadbiran British pada masa itu juga bertanggungjawab mengenai perubahan beberapa jabatan dan majlis untuk mengendalikan kerja-kerja pentadbiran, pembersihan bandar, jalan pasar, perparitan dan lain-lain. Bangunan Sultan Abdul Samad yang dibina pada 1894 dengan rekabentuk yang didakwa sebagai rekabentuk Moorish telah memberikan satu petanda penting bagi Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran dan kedudukan bangunan yang strategik ini telah menjadikannya sebagai bangunan utama.

Selepas peperangan melanda dengan kedatangan Jepun,




BANGUNAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR PADA 1896.  
TETAPI SEKARANG TELAH BERUBAH KEPADA BANGUNAN SULTAN  
ABDUL SAMAD.


GAMBAR DI DI BAWAH MENUNJUKKAN  
PEMANDANGAN DI SELANGOR STATE  
SECRETARIAT PADA TAHUN 1896.  
TETAPI KINI IA KEBIH DIKENALI  
DENGAN BANGUNAN SULTAN ABDUL  
SAMAD.




PEMANDANGAN BANGUNAN SULTAN ABDUL  
SAMAD PADA TAHUN 1896. KINI IA MASIH  
LAGI TERSERGAM INDAH WALAUPUN USIANYA  
SUDAH MENCAPAI LEBIH KURANG 95 TAHUN.



GAMBAR INI PULA MENUNJUKKAN  
PEMANDANGAN PADA BANGUNAN  
IBU PEJABAT KERETAPI PADA  
TAHUN 1917. KELIHATAN PENG-  
GUNAAN TIANG YANG BERULANG-  
ULANG DI GUNAKAN.









SEKOLAH RENDAH JALAN BATU PADA TAHUN 1933.

Unit Rujukan & Perkhidmatan Pustaka  
Perpustakaan Tun Abdul Razak  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan



BANGUNAN KELAB SELANGOR PADA TAHUN 1890.



BANGUNAN PESURUHJAYA BRITISH PADA 1890 dan  
KINI TELAH BERTUKAR KEPADA SERI NEGARA.


pentadbiran di Kuala Lumpur juga mengalami banyak perubahan ke arah lebih baik dan sistematik. Majlis perbandaran Kuala Lumpur ditubuhkan atas desakan beberapa pertubuhan dan orang perseorangan. Perancang bandar juga ditubuhkan sebagai badan penasihat, pengawal serta pengatur merancang pelan tata-atur tanah dan bandar-bandar. Pertambahan penduduk yang pesat dari 50,000 penduduk pada 1940 kepada hampir 1,000,000 pada 1984. Iaitu peningkatannya hampir 8% setiap tahun dan merupakan bandaraya yang paling pesat berkembang. Kini Kuala Lumpur telah menjadi Wilayah Persekutuan dan Ibu Negara Kuala Lumpur. Perlulah pengkajian mendalam dijalankan bagi pembangunannya yang berkeperibadian tersendiri seperti bandaraya Bangkok, terkenal sebagai kota syurga lelaki atau Kota Paris sebagai dunia fesyen yang serba anggun. Hendaknya Kota Raya Kuala Lumpur suatu masa kelak akan menjadi kota pertamanan atau Kota kejiranan dengan pengejalan budaya-budaya timur yang tradisi.

### 3.0 KUALA LUMPUR - IBU NEGARA DAN PUSAT PERDAGANGAN.

Pengisytiharan sebagai Wilayah Persekutuan.

Pada lhb.Feb. 1972, dengan rasminya Kuala Lumpur telah diiktiraf sebagai Wilayah Persekutuan yang segala pentadbirannya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Datuk Lokman Musa pada ketika itu telah diberi mandat untuk menjadi Datuk Bandar yang pertama. Perjanjian penyerahan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan kepada kerajaan Persekutuan telah ditandatangani pada hari tersebut iaitu pada lhb. Feb 1974 antara Sultan Selangor Darul Ehsan dengan

Yang di Pertuan Agung (Sultan Abdul Halim Shah iaitu Sultan Kedah kini) dengan disaksikan oleh Allahyarham Perdana Menteri kita yang kedua Tun Abdul Razak bersama anggota kabinet, serta Raja-Raja, Gabenor-Gabenor dan Yang Dipertua Negeri dan lain-lain. Pengorbanan yang ditunjukkan oleh Sultan Selangor ini amatlah besar sekali dan kini membuahkan hasil seperti yang telah dijangkakan. Dengan tertubuhnya Wilayah Persekutuan pada lhb.Feb 1974, keluasan bandaraya juga bertambah daripada 36 batu persegi kepada 94 batu persegi.



---

## BAB 2

---

## Pembangunan Bandaraya Kuala Lumpur.

Bandaraya Kuala Lumpur telah mula berkembang sejak dari dahulu lagi iaitu semasa zaman perlombongan timah. Kadar perkembangannya juga turut meningkat dari satu masa semasa sehinggalah ianya mencapai kemerdekaan. Setelah Malaya bertukar ke Malaysia pada 1977, maka Malaysiapun sudah bebas dari sebarang belunggu penjajah Inggeris. Justeru itu membolehkan kadar pembangunannya dijalankan dengan lebih cepat lagi.

Bandaraya Kuala Lumpur adalah merupakan nadi penggerak pada pembangunan yang dijalankan disebabkan di situlah segala aktiviti atau kegiatan ekonomi dijalankan sebagai ibu-kota Malaysia, Kuala Lumpur berfungsi sebagai pusat segala-galanya baik dari segi:

pentadbiran, perdagangan, perniagaan, pelancungan dan pembelajaran.

Kini setelah 34 tahun negara kita mencapai kejayaan kemerdekaan, begitu banyak sekali perubahan-perubahan yang berlaku di bandar ini. Ini termasuklah dari segi pembangunannya, yang bagaikan tumbuh ibarat cendawan selepas hujan dengan berbagai bentuk dan konsepnya yang tersendiri.

Walaupun bagaimanapun, di dalam kajian ini untuk memudahkan perbincangan jenis-jenis bangunan dibahagikan kepada dua

bahagian:-

- (i) Sebelum kemerdekaan.
- (ii) Selepas kemerdekaan.

Namun begitu pada 14 Julai 1974, Tan Sri Yaacob bin Abdul Latif telah dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang kedua setelah Datuk Lokman Musa meninggal dunia. Pembangunan Kuala Lumpur bertambah pesat dari hari ke hari ke arah taraf bandaraya moden. Bangunan-bangunan pencakar langit didirikan dengan hebatnya berlumba-lumba antara satu sama lain bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan bersesuaian dengan tarafnya sebagai pusat tumpuan segala kegiatan ekonomi, pusat pentadbiran negara, perdagangan, pelancungan dan lain-lain.

Bagi melicinkan lagi dan mengemaskinikan pentadbiran Bandaraya Kuala Lumpur, sebuah kementerian telah ditubuhkan pada 27hb. Julai 1978 yang dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan. Kini terdapat tujuh buah mukim di dalam wilayah iaitu:-

- i) Kuala Lumpur Bandar
- ii) Sungai Besi
- iii) Setapak
- iv) Ampang